

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. TUAN LOKE SIEW FOOK
(SEREMBAN)**
PERTANYAAN : BERTULIS

Y.B. TUAN LOKE SIEW FOOK [SEREMBAN] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan secara terperinci bilangan penerima BRIM 2016 mengikut kategori berlainan dan pecahan kaum di setiap kawasan Parlimen di Negeri Sembilan

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pemberian BR1M diberi secara menyeluruh kepada mereka yang layak tanpa mengira kaum, agama mahupun latar belakang politik. Setiap pemohon akan melalui proses verifikasi yang sama yang akan dilaksanakan oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM). Bagi tahun 2016, kategori-kategori bagi pemohon yang layak adalah seperti berikut:

1. Peserta e-Kasih (RM1,000 ke bawah) akan menerima BR1M berjumlah RM1,050;

2. Isi Rumah yang berpendapatan RM3,000 dan ke bawah termasuk warga emas 60 tahun dan ke atas akan menerima BR1M berjumlah RM1,000;
3. Isi Rumah yang berpendapatan RM3,0001 hingga RM4,000 termasuk warga emas 60 tahun dan ke atas akan menerima BR1M berjumlah RM800; dan
4. Individu Bujang berumur 21 tahun dan ke atas berpendapatan RM2,000 ke bawah akan menerima BR1M berjumlah RM400.

JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN BERTULIS : **TUAN TEO KOK SEONG**
DARIPADA [RASAH]

JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA

PERTANYAAN BERTULIS

Tuan Teo Kok Seong [Rasah] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan:-

- (a) jumlah guru yang bertugas di Sekolah Conforming/Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan berdasarkan kaum; dan
- (b) jumlah pelajar yang belajar di Sekolah Conforming/Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan berdasarkan kaum.

JAWAPAN

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

- a) Komposisi guru mengikut kaum di Sekolah Conforming terdiri daripada kaum Melayu seramai 2,497, kaum, Cina seramai 3,528, kaum India seramai 535 dan lain-lain kaum seramai 417.
- b) Jumlah murid mengikut kaum di Sekolah Menengah Conforming terdiri dari 8,727 kaum Melayu, 90,859 kaum Cina, 2,758 kaum India dan 963 lain-lain.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : JAWAB BUKAN LISAN

DARIPADA : TUAN TEO KOK SEONG [RASAH]

SOALAN : 256

Tuan Teo Kok Seong [Rasah] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan jumlah kutipan cukai jalan yang dikutip sejak tahun 2008 – 2016.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah kutipan cukai jalan yang dikutip sejak tahun 2008 hingga Mac 2016 adalah sebanyak **RM18,342,575,425.76**.

JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA

**: Y.B. TUAN TEO KOK SEONG
[RASAH]**

JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA

PERTANYAAN BERTULIS

Tuan Teo Kok Seong [Rasah] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan jumlah bantuan atau sumbangan kewangan daripada Kerajaan kepada Sekolah Tinggi Persendirian Cina sejak tahun 2008 – 2016.

JAWAPAN

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) menyalurkan bantuan kewangan hanya kepada institusi pendidikan kerajaan dan institusi pendidikan bantuan kerajaan di bawah kawalan dan seliaannya seperti yang termaktub dalam Akta Pendidikan 1996 [Akta 550]. Sekolah Menengah Persendirian Cina (SMPC) merupakan sekolah menengah persendirian yang tidak tergolong dalam mana-mana kategori institusi pendidikan dalam Sistem Pendidikan Kebangsaan. Kesemua 60 SMPC di seluruh negara beroperasi atas dasar *status quo* sehingga kini dan KPM tiada obligasi untuk menyalurkan sebarang bentuk bantuan termasuklah bantuan kewangan kepada SMPC tersebut berdasarkan dasar sedia ada dan peruntukan di bawah Akta Pendidikan 1996 [Akta 550].